

# BAB 2



## USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) PELANCONGAN: MENANGANI ISU-ISU PERUNDANGAN TERKINI

Ahmad Shamsul Abd. Aziz  
Zainal Amin Ayub

### ABSTRAK

*Industri pelancongan memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha mempertingkatkan dan memajukan industri ini, penglibatan industri kecil dan sederhana (IKS) tetap memainkan peranannya sendiri. Pengetahuan asas dari sudut perundangan amat perlu kepada usahawan-usahawan IKS pelancongan bermula dari proses memulakan perniagaan sehinggalah kepada ianya dijalankan. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan proses penubuhan sesebuah perniagaan, pemilihan bentuk-bentuk perniagaan yang sesuai dan undang-undang yang berkaitan dalam menjalankan urusan perniagaan seharian.*

### PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dalam era globalisasi menuntut agar usahawan-usahawan IKS pelancongan sentiasa bersedia-sedia, dan ini termasuk isu-isu berkaitan undang-undang. Ini bertujuan untuk menyiapkan usahawan-usahawan agar sentiasa berdaya saing dan terkehadapan. Oleh yang demikian, pengetahuan berkenaan dengan pemilihah bentuk-bentuk perniagaan, elemen-elemen asas kontrak dan isu-isu berkaitan terkini adalah amat penting.

### BENTUK-BENTUK PERNIAGAAN

Mohamad dan Shapiai (1996), menyatakan bahawa terdapat tiga bentuk utama perniagaan yang boleh dipilih untuk diceburi oleh para usahawan, iaitu:

- (i) Perniagaan Tunggal
- (ii) Perkongsian
- (iii) Syarikat

Perniagaan tunggal ialah suatu perniagaan yang pada dasarnya melibatkan seorang individu sahaja bertindak sebagai penyumbang modal, majikan dan pekerja kepada perniagaan. Dengan kata lain, perniagaan bentuk ini hanya melibatkan seorang individu sahaja di mana sebarang bentuk tanggungan adalah secara sendirian.

Perniagaan berbentuk perkongsian pula ialah perniagaan yang dikongsi antara dua hingga dua puluh orang. Menurut takrifan di bawah seksyen 3, Akta Perkongsian 1961:

*“Perhubungan yang wujud antara orang-orang yang menjalankan perniagaan bersama bagi maksud mendapat keuntungan.”*

Mengenai soal tanggungan dan pembahagian keuntungan, ianya adalah berdasarkan jumlah modal yang disumbangkan atau dibahagikan sama rata, bergantung kepada persetujuan bersama pekongsi-pekongsi. Selain itu, tanggungan pekongsi-pekongsi adalah melibatkan harta atau aset peribadi pekongsi-pekongsi (Ivamy & Smith, 1995).

Sementara itu, syarikat pula merupakan satu bentuk perniagaan yang berdasarkan kepada jumlah saham ahli-ahli. Syarikat ialah organisasi yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Perbezaan utama antara perniagaan berbentuk syarikat dengan perniagaan tunggal dan perkongsian ialah syarikat merupakan satu entiti yang berasingan. Ini bermakna tanggungan syarikat tidak akan membabitkan harta dan aset peribadi ahli (Woon, 1996).

## **ELEMEN-ELEMEN ASAS KONTRAK**

Seseorang usahawan perlu mengetahui perkara-perkara asas berhubung dengan sesuatu kontrak. Kontrak ialah satu perjanjian yang mengikat di antara pihak-pihak yang terlibat dan ianya mestilah boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Kontrak boleh dibuat, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis. Di samping itu, terdapat tujuh elemen asas dalam pembentukan sebuah kontrak yang sah (Vohrah & Wu, 1994). Elemen-elemen tersebut ialah:

- (i) Perjanjian
- (ii) Balasan

- (iii) Niat
- (iv) Keupayaan
- (v) Ketentuan
- (vi) Kerelaan bebas
- (vii) Tujuan yang sah

## 1. Perjanjian

### Cadangan dan Penerimaan

Perjanjian melibatkan unsur-unsur cadangan dan penerimaan. Cadangan menurut seksyen 2 (a), Akta Kontrak 1950:

*“Apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada seorang yang lain untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan sesuatu, dengan maksud untuk memperoleh persetujuan orang itu dari berbuat sesuatu itu, maka bolehlah dikatakan bahawa orang itu membuat cadangan.”*

Seksyen 2 (c), Akta Kontrak 1950 pula menyatakan bahawa, orang yang membuat cadangan yang disebut “pembuat janji” dan orang yang menerima cadangan disebut “penerima cadangan”. Cadangan ini boleh dibuat secara nyata atau tersirat, serta boleh dibuat kepada; orang tertentu, kumpulan tertentu atau kepada umum.

### Pelawaan Cadangan

Para usahawan hendaklah mengetahui perbezaan antara cadangan dan pelawaan cadangan. Penerimaan terhadap pelawaan cadangan adalah merupakan satu cadangan dalam suatu perjanjian. Contoh-contoh pelawaan adalah seperti berikut:

- (i) Peragaan barang di kedai layan diri seperti yang diputuskan di dalam kes *Pharmaceutical Society of Great Britain lwn Boots Cash Chemist Ltd.* (1952) 2 QB 795.
- (ii) Pelawaan pelelong untuk harga seperti yang diputuskan di dalam kes *Spencer lwn Harding* (1870) LR 5 CP 561.
- (iii) Iklan seperti yang diputuskan di dalam *Coelho lwn The Public Services Commission* (1964) MLJ 12.

Menurut seksyen 2 (b) Akta Kontrak 1950, apabila penerima cadangan menyatakan persetujuan terhadap cadangan tersebut, maka bolehlah dikatakan bahawa cadangan tersebut diterima. Apabila cadangan tersebut diterima, ianya akan menjadi janji. Sementara itu, terdapat syarat dalam bentuk dan cara penerimaan untuk menjadikan ia suatu kontrak yang sah. Seksyen 7, Akta Kontrak 1950 untuk menjadikan sesuatu cadangan itu sebagai janji, maka penerimaan itu mestilah:

- (i) Mutlak dan tidak bersyarat; dan
- (ii) Dinyatakan secara biasa dan munasabah, melainkan jika cadangan itu menetapkan cara penerimaan.

## **2. Balasan**

Berdasarkan seksyen 2 (d), Akta Kontrak 1950, menurut kehendak pembuat janji, apabila penerima janji atau siapa sahaja yang telah membuat atau menahan diri dari membuat sesuatu, atau membuat atau menahan diri dari membuat sesuatu maka perbuatan atau penahanan diri atau janji itu adalah disebut balasan untuk janji itu.

## **3. Keupayaan**

Merujuk kepada seksyen 10 (1), Akta Kontrak 1950, semua perjanjian adalah kontrak jika dibuat atas kerelaan bebas pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah dan dengan tujuan yang sah dan tidak ditetapkan dengan nyata di bawah peruntukan Akta ini bahawa ianya batal.

Seksyen 11, Akta Kontrak 1950 pula menyatakan setiap orang adalah layak membuat kontrak sekiranya ia dewasa menurut undang-undang yang ia tertakluk dan sekiranya ia berakal sempurna, dan tidak hilang kelayakan untuk membuat kontrak menurut mana-mana undang-undang di mana ia tertakluk.

## **4. Niat**

Niat ditentukan melalui tindakan dan perlakuan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak tersebut.

## **5. Ketentuan**

Menurut seksyen 30, Akta Kontrak 1950, perjanjian-perjanjian, di mana maknanya tidak tertentu atau tidak boleh ditentukan, adalah batal. Faktor-faktor penentu kepada kewujudan ketaktentuan ialah apabila:

- (i) Bahasa yang digunakan adalah samar-samar; dan
- (ii) Perjanjian tidak mencapai syarat utama perjanjian

## 6. Kerelaan bebas

Seksyen 14 Akta Kontrak 1950 memperuntukkan, kerelaan seseorang itu dianggap bebas selagi tidak wujud salah satu daripada unsur-unsur berikut;

- (i) Paksaan
- (ii) Pengaruh tak berpatutan
- (iii) *Frod* (tipu)
- (iv) Salahnyataan
- (v) Khilaf (silap)

## 7. Tujuan yang Sah

Tujuan sesuatu kontrak hendaklah tidak bertentangan dengan sebarang peruntukan undang-undang.

## ISU-ISU PERUNDANGAN TERKINI

### Kontrak E-Dagang

Di dalam kontrak e-dagang, isu yang menjadi persoalan utama adalah yang berkaitan perantaraan dalam kontrak. Ini kerana ini dilakukan secara elektronik/melalui Internet. Isu yang timbul ialah berkaitan:

- (i) Kesahihan - Isu kesahihan ini timbul akibat dari ketidakpastian identiti sebenar pelanggan/peniaga.
- (ii) Kerahsiaan - Segala butiran kontrak/maklumat mungkin dilihat oleh pihak lain.
- (iii) Kejujuran - Kejujuran pihak-pihak terlibat sukar ditentukan.
- (iv) Tidak boleh menafikan - Sebarang perjanjian yang dibuat menerusi cara ini sukar untuk dinafikan oleh penama dalam transaksi tersebut.

Walau bagaimanapun, isu-isu di atas telah diatasi dengan pengenalan Akta Tandatangani Digital 1997, di mana kaedah kriptografi tak simetri yang menggunakan prasarana

kunci awam dan persendirian diperkenalkan. Pengguna/peniaga hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Digicert Sdn. Bhd. atau MSC Trustgate Sdn. Bhd. untuk mendapatkan kemudahan ini.

## **Iklan Laman Web**

Pasa asasnya, iklan adalah merupakan suatu pelawaan cadangan. Namun begitu, terdapat perbezaan pendapat sama ada iklan di laman web merupakan cadangan atau pelawaan. Cadangan pertama menyatakan bahawa, pemilik laman web perlu memastikan bahawa iklan-iklan yang dibuat adalah suatu pelawaan membuat cadangan dan bukannya cadangan (Gringrass, 1997). Ini adalah seperti yang telah diputuskan oleh mahkamah bahawa pameran barang ditingkap, rak kedai dan peragaan harga petrol adalah suatu pelawaan untuk membuat cadangan. Prinsip ini amat penting dalam kontrak e-dagang kerana sekiranya wujud cadangan dan penerimaan, maka kontrak terbentuk. Namun, ada yang berpandangan bahawa prinsip asas ini perlu diubah, iaitu iklan laman web hendaklah dianggap sebagai satu cadangan (Ding, 1999).

Di dalam kes *Affin Credit (M) Sdn. Bhd. lwn Yap Yuen Fui* (1984) 1 *MLJ* 169, Hakim Mohamad Azmi menyatakan bahawa:

“...mengikut prinsip am, untuk memutuskan sama ada pihak-pihak berkenaan telah mencapai persetujuan (atau tidak), biasanya siasatan dijalankan untuk menentukan sama ada telah wujud satu tawaran yang tetap dari satu pihak dan satu penerimaan terhadap tawaran itu oleh pihak lain.”

Selain itu, iklan-iklan di dalam laman web hendaklah mematuhi kehendak-kehendak seperti di dalam seksyen 2, Akta Perihal Dagangan 1972 (Zainal, 2001).

## **PEMBENTUKAN KONTRAK**

Menurut kaedah am, kontrak terbentuk apabila penerimaan cadangan dibuat. Contohnya, sekiranya seorang pelancong Australia membuat tempahan hotel di Malaysia, dan hotel di Malaysia menerima cadangan pelancong tersebut, kontrak terbentuk di Malaysia dan oleh itu tertakluk di bawah undang-undang negara ini. Namun begitu, melalui kontrak e-dagang, antara isu perundangan yang penting juga untuk dinyatakan adalah di mana kontrak e-dagang terbentuk? Kesatuan Eropah telah menggubal suatu peruntukan undang-undang di mana mahkamah yang mempunyai kuasa untuk membicarakan sebarang pertikaian dalam kontrak e-dagang adalah mahkamah di tempat pembeli berada (*The Standard*, 2000).

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, adalah jelas bahawa pengetahuan berkaitan undang-undang adalah merupakan sesuatu yang amat penting kepada usahawan IKS pelancongan. Ia juga penting kerana ia dapat membantu dalam melicinkan urusan perniagaan seharian, memahami hak-hak dan tanggungjawab usahawan serta pelanggan. Melalui pengetahuan berhubung undang-undang berkaitan teknologi maklumat, para usahawan juga dapat menyiapkan diri di pasaran yang lebih luas selaras dengan era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat.

## RUJUKAN

Akta Kontrak 1950

Akta Perihal Dagangan 1972

Akta Perkongsian 1961

Akta Syarikat 1965

Ding., J. (2000). *E-Commerce: Law and Practice*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

Gringrass, C. (1997). *The Law of Internet*. London: Butterworths.

Ivamy, E. H., & Smith, V.P. (1995). *Malaysian Law of Partnership Cases and Materials* (2 ed.). Kuala Lumpur: Butterworths Asia.

Mohamad Sabri, Yusof & Shapiai, Abd. Rahman. (1996). *Asas-asas Undang-undang Perniagaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Queen's Bench Law Reports.

Vohrah, B. & Wu Min Aun (1994). *The Commercial Law of Malaysia*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Woon, W. C. (1996). *Company law* (6th ed.). Singapore: FT Law & Tax Asia Pacific.

Zainal Amin, Ayub. (2001). *E-dagang: Perlindungan pengguna di Malaysia*. Tesis Sarjana Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Rujukan Laman Web:

The Standard. (2000). Terdapat di: <http://www.the standard.com/article/display>